



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 14 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	ICT ASEAN 2025 FOKUS PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DALAM DUNIA DIGITAL		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ict-asean-2025-fokus-perlindungan-kanak-kanak-dalam-dunia-digital	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KPWKM SIAP SEDIA HADAPI MTL, TUMPU SABAH KETIKA PRN		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-siap-sedia-hadapi-mtl-tumpu-sabah-ketika-prn/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1471153/kpwkm-siap-siaga-andai-sabah-dilanda-banjir-sepanjang-prn-nancy	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/13/prn-sabah-kerajaan-bersedia-hadapi-kemungkinan-bencana/	TVSARAWAK.MY	
	https://suarasarawak.my/sarawak-sedia-hantar-pegawai-jkm-ke-sabah-jika-berlaku-mtl-sepanjang-prn/	SUARASARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MOUNT SANTUBONG POISED FOR UNESCO RECOGNITION, MINISTER HIGHLIGHTS HERITAGE SIGNIFICANCE		POSITIF
	https://www.theborneopost.com/2025/11/13/mount-santubong-poised-for-unesco-recognition-minister-highlights-heritage-significance/	THEBORNEOPOST.COM	
	https://www.sarawaktribune.com/santubong-revival-to-boost-heritage-tourism/	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2490270	BERNAMA.COM	
	https://suarasarawak.my/gunung-santubong-simbol-tamadun-awal-di-sarawak-nancy/	SUARASARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://thesun.my/berita/tempatan/gunung-santubong-bukti-tamadun-awal-sarawak-berkembang-sejak-abad-ke-7/	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2490269	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/13/warisan-santubong-pemangkin-ekonomi-komuniti-setempat/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JKM TERENGGANU SELESAI HANTAR BEKALAN ASAS HADAPI BANJIR		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2490494	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2490527	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PERUBAHAN BUDAYA KUNCI BANTU KANAK-KANAK MANGSA DERA BERSUARA		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/13/perubahan-budaya-kunci-bantu-kanak-kanak-mangsa-dera-bersuara	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/13/culture-change-key-to-helping-abused-children-speak-up	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	LEBIH 3,000 KES JENAYAH SEKSUAL BAWAH 18 TAHUN DIREKOD DALAM TEMPOH TIGA TAHUN		NEUTRAL
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-3000-kes-jenayah-seksual-bawah-18-tahun-direkod-dalam-tempoh-tiga-tahun-547438	ASTROAWANI.COM	
	https://siakapkeli.my/2025/11/14/lebih-3000-kes-jenayah-seksual-bawah-18-tahun-direkod-dalam-tempoh-tiga-tahun	SIKAPKELI.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	WANITA NEKAD TERJUN KERETA BIMBANG DIPUKUL SUAMI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1471398/wanita-nekad-terjun-kereta-bimbang-dipukul-suami	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-terjun-dari-kereta-kerana-takutkan-suami-polis/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1287299/wanita-terjun-dari-kereta-kerana-takutkan-suami-polis	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115513/woman-jumps-out-of-moving-car-following-domestic-dispute	THEVIBES.COM	
	https://www.sinardaily.my/article/731686/focus/national/woman-jumps-from-moving-car-to-escape-abusive-husband	SINARDAILY.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/13/suami-kepada-wanita-terjun-dari-kereta-bergerak-sudah-ditahan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/lelaki-ditahan-selepas-video-wanita-lari-dari-kereta-tular	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-direman-bantu-siasatan-pergaduhan-dengan-seorang-wanita/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/13/nekad-terjun-kereta-takut-dipukul-suami/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/756520/berita/semasa/wanita-nekad-terjun-kereta-elak-dipukul-suami	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1287299/wanita-terjun-dari-kereta-kerana-takutkan-suami-polis	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/wanita-terjun-kereta-di-sungai-petani-polis-tahan-lelaki-berusia-31-tahun/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/11/13/tular-isteri-terjun-keluar-dari-kereta-elak-pasangan-kaki-pukul-suami-ditahan-reman	MSTAR.COM.MY	
	https://thereporter.my/wanita-terjun-dari-kereta-takut-dipukul-suami/	THEREPORTER.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



14/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	JURUGAMBAR DIDAKWA AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK PEREMPUAN DALAM LIF		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/jurugambar-didakwa-amang-seksual-kanak-kanak-perempuan-dalam-lif/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/756480/berita/semasa/jurugambar-bebas-didakwa-raba-punggung-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/13/jurugambar-didakwa-cabul-kanak-kanak-semilan-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/13/jurugambar-sambilan-nafi-pegang-kanak-kanak-dekat-lif/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	LELAKI BERUSIA 54 TAHUN DIDAKWA ROGOL KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-berusia-54-tahun-didakwa-rogol-kanak-kanak/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1287218/lelaki-berusia-54-tahun-didakwa-rogol-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	GADIS NILAI RISAU 'HANTU' CABUL MUNCUL LAGI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/13/gadis-nilai-risau-hantu-cabul-muncul-lagi/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ICT ASEAN 2025 fokus perlindungan kanak-kanak dalam dunia digital

Nasional - Dicipta: 13 November 2025 10:43 AM



Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr. Maziah Che Yusoff/ RTM

KUALA LUMPUR, 13 November – Malaysia terus memperkukuh komitmen terhadap perlindungan kanak-kanak di alam siber menerusi penganjuran Persidangan ICT ASEAN mengenai Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian 2025, yang bakal berlangsung pada 18 dan 19 November ini.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, penganjuran ini selaras dengan peranan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025, selain menyokong pelaksanaan Deklarasi ASEAN berkaitan Perlindungan Kanak-kanak dalam Talian.

Beliau berkata, persidangan dua hari itu akan menghimpunkan pembuat dasar serta wakil negara-negara ASEAN bagi membincangkan isu keselamatan kanak-kanak dalam talian, berkongsi amalan terbaik dan membentuk kerjasama serantau yang lebih kukuh.

"Kita bukan sekadar berkongsi pengalaman, tetapi mahu memulakan satu bentuk kerjasama ASEAN yang lebih erat dalam melindungi kanak-kanak daripada jenayah siber," katanya.

Sementara itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut menegaskan bahawa perlindungan kanak-kanak kekal sebagai teras utama kementerian, termasuk dalam konteks keselamatan digital.

Menurut Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, pelbagai inisiatif kesedaran dan advokasi dilaksanakan bagi mendidik ibu bapa serta kanak-kanak mengenai risiko penggunaan internet, termasuk buli siber, penipuan siber dan pengantunan seksual atau 'sexual grooming'.

"Ibu bapa perlu memahami risiko serta menguasai kawalan penggunaan internet agar dapat memantau aktiviti anak-anak dengan lebih berkesan," jelasnya.

Antara program yang dijalankan ialah Latihan Keibubapaan Digital oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi membantu ibu bapa memahami teknologi serta menjadi contoh penggunaan peranti secara beretika.

Beliau menambah, usaha mendidik bukan bermaksud melarang penggunaan teknologi, sebaliknya memastikan penggunaannya secara selamat dan beretika demi melindungi kesejahteraan serta keharmonian kanak-kanak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM siap sedia hadapi MTL, tumpu Sabah ketika PRN

🕒 13 November 2025, 12:35pm



Oleh: Kadir Edison

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) kini berada pada tahap kesiapsiagaan penuh bagi menghadapi musim Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka melanda beberapa negeri dalam tempoh terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, tumpuan utama diberikan kepada negeri Sabah, khususnya dengan mengambil kira kemungkinan bencana berlaku ketika tempoh Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang.

Beliau berkata, kementerianya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkemas koordinasi bersama pelbagai agensi di peringkat negeri dan daerah bagi memastikan bantuan dapat disalurkan dengan cepat dan berkesan sekiranya bencana berlaku.

"Kita nampak operasi kini lebih cekap kerana ramai yang turut menolong, terutama mereka yang berada di kawasan itu sendiri.

"Di setiap pusat pemindahan sementara (PPS), kita akan ada pegawai kebajikan, kaunselor dan pegawai psikologi bagi membantu mangsa yang tertekan ketika menghadapi keadaan tersebut," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Seminar Warisan Santubong, hari ini.

Beliau berkata, pegawai kebajikan, kaunselor serta pakar psikologi akan ditempatkan di setiap Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi memberikan sokongan emosi dan psikologi kepada mangsa bencana.

Katanya, pengalaman mengurus bencana sebelum ini banyak membantu KPWK dalam memantapkan sistem penyelarasan dan mobilisasi sumber manusia, termasuk penglibatan NGO serta sukarelawan tempatan.

Langkah itu adalah antara inisiatif kementerian dalam memastikan setiap keluarga yang terjejas menerima bantuan segera, menyeluruh dan berasaskan empati.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



| Mount Santubong poised for Unesco recognition, minister highlights heritage significance

BY MATTHEW LIMPIANG ON NOVEMBER 13, 2023, THURSDAY AT 5:07 PM

SARAWAK



Nancy listens to a briefing at one of the booths set up during the Santubong Heritage Seminar at Centexs Santubong. – Ukas photo.

KUCHING (Nov 13): Mount Santubong could be a strong candidate for recognition as a Unesco World Heritage Site in the future, given its breathtaking landscape and archaeological evidence of an ancient civilisation that shaped Sarawak's early history.

Women, Family and Community Development Minister Dato Sri Nancy Shukri said Santubong holds numerous historical relics that have yet to be fully explored, with archaeological discoveries at Sungai Jaong, Bukit Maras, and Bukit Samarahan indicating that the area was once an international trading centre as early as the 17th century.

"Mount Santubong is not just a geographical landmark but a symbol of an ancient civilisation with metallurgical skills and extensive maritime networks.

"This proves that our ancestors had already established connections with the outside world long before the existence of modern technology," she said when officiating the Santubong Heritage Seminar titled 'Exploration of Knowledge and Traces of Civilisation' held at the Centre of Technical Excellence Sarawak (Centexs) Santubong today.

According to a Sarawak Public Communications Unit (Ukas) report, the Santubong MP said that beyond its scenic beauty, Santubong embodies the values of social harmony, goodwill, and unity — qualities that represent the true strength of the area as a symbol of Sarawak's social and cultural heritage.

Commenting on the seminar's theme, Nancy said it was timely and aligned with efforts to raise public awareness on the importance of preserving local heritage.

"Heritage should not be confined in museums; it must be revived through knowledge and understanding among the people."

The seminar also featured Sarawak heritage experts including Dr Sanib Said, Dr Ipoi Datan, and Muhammad Sherman Saufi, who shared insights on Malay philosophy, humanity, social sciences, and heritage preservation.

Nancy also urged the younger generation to become Santubong Heritage Ambassadors by promoting heritage appreciation among their families, friends, and communities.

Among those present were Centexs chief executive officer Dato Syeed Mohd Hussein Wan Abdul Rahman, National Archives of Malaysia deputy director-general Ahmad Sukri Abdul Kadir, Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak (AKYBMS) general manager Datu Dr Sanib Said, and Kuching district officer Zaidi Sarkawi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perubahan budaya kunci bantu kanak-kanak mangsa dera bersuara

Pakar berkata stigma dan ketakutan menyebabkan kanak-kanak yang didera terus berdiam diri daripada mendapatkan bantuan.



Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kaunselor Malaysia Sadli Osman berkata kanak-kanak didera sering menghadapi dilema yang menyakitkan dan mahu mendapatkan perlindungan tetapi takut dengan kesannya. (Gambar fail)

PETALING JAYA: Perubahan sikap masyarakat dan usaha meyakinkan kanak-kanak bersuara menjadi langkah penting dalam membantu mangsa penderaan, kata seorang pakar kesihatan mental.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kaunselor Malaysia Sadli Osman, berkata walaupun undang-undang sedia ada melindungi kanak-kanak, ramai mangsa masih takut membuat laporan kerana bimbang tidak dipercayai atau dipersalahkan.

Katanya, hal ini lebih sukar apabila pelaku adalah individu yang rapat seperti ahli keluarga, penjaga atau individu dihormati di kalangan komuniti.

"Ramai kanak-kanak sebenarnya mahu mendapatkan bantuan, tetapi mereka takut dengan reaksi orang sekeliling. Mereka bimbang sama ada mereka akan dipercayai atau dilindungi," katanya kepada FMT.

Menurut Sadli, kanak-kanak yang didera juga sering merasa malu atau bersalah walaupun mereka sebenarnya adalah mangsa, menyebabkan mereka memilih berdiam diri walaupun memerlukan pertolongan segera.

Beliau menegaskan usaha menangani penderaan kanak-kanak perlu melibatkan semua pihak, bukan hanya satu agensi kerajaan.

"Setiap laporan perlu diberi perhatian segera. Sekolah perlu ada sistem perlindungan, dan komuniti perlu menjadi tempat yang selamat untuk kanak-kanak. Kita perlu benar-benar mendengar dan dipercayai mereka," katanya.

Sadli berkata perubahan budaya ini perlu bermula di rumah, sekolah dan kawasan kejiranan – tempat di mana kanak-kanak paling banyak menghabiskan masa.

Beliau turut memuji inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) seperti kempen 'Awak OK Tak' dan talian prihatin masyarakat Talian Kasih 15999 yang menyediakan sokongan emosi serta perkhidmatan kaunseling.

Pengasas bersama Yayasan Chow Kit, Hartini Zainudin, senada dengan Sadli dan menekankan pentingnya mencipta suasana selamat bagi kanak-kanak untuk bercakap tanpa rasa takut atau dihukum.

"Jangan minta mereka 'lupakan' atau mempersoalkan tindakan mereka. Sebaliknya, beri mereka ruang dan sokongan. Beritahu anak, 'Terima kasih kerana beritahu' atau 'Saya ada untuk kamu'," katanya.

Sementara itu, data Disrupting Harm menunjukkan 4% kanak-kanak Malaysia berusia 12 hingga 17 tahun yang menggunakan internet telah mengalami bentuk penderaan atau eksploitasi seksual dalam talian dalam tempoh setahun lalu.

Kes termasuk ugutan untuk melakukan perbuatan seksual, penyebaran imej tanpa izin, serta dipujuk dengan wang atau hadiah untuk melakukan aktiviti seksual.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih 3,000 kes jenayah seksual bawah 18 tahun direkod dalam tempoh tiga tahun



Bernama
13/11/2025 20:00 MYT



KULASEGARAN: Jumlah tangkapan kes bagi tempoh sama sebanyak 3,601, membabitkan 1,194 tangkapan pada 2023 dan 1,348 pada 2024 serta 1,059 bagi tempoh Januari hingga Oktober lepas. - Gambar fail/BERNAMA.

KUALA LUMPUR: Sebanyak 608 daripada keseluruhan 3,093 kes jenayah seksual melibatkan individu di bawah 18 tahun yang berlaku dalam tempoh 2023 hingga Oktober tahun ini, direkodkan berlaku di kawasan sekolah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) M Kulasegaran berkata daripada jumlah keseluruhan itu 1,760 kes dicatat berlaku pada 2023 manakala pada 2024 sebanyak 1,041 kes dan 892 kes lagi dari Januari hingga Oktober tahun ini.

"Jumlah tangkapan kes bagi tempoh sama sebanyak 3,601, membabitkan 1,194 tangkapan pada 2023 dan 1,348 pada 2024 serta 1,059 bagi tempoh Januari hingga Oktober lepas," katanya pada sesi Kamar Khas di Dewan Rakyat hari ini.

Bagi menangani isu itu, beliau berkata Kementerian Pendidikan (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Reformasi Keselamatan Institusi Pendidikan, yang berperanan meneliti dan memperkukuh langkah keselamatan di sekolah.

Jawatankuasa itu menggabungkan pelbagai kepakaran termasuk akademik, agensi kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM), selain pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).

"Antara penambahbaikan yang dilaksanakan jawatankuasa itu terhadap program Sekolah Selamat, termasuk menjalankan audit keselamatan di sekolah terlibat," katanya.

Mengulas mengenai inisiatif untuk mewujudkan pangkalan data kebangsaan bagi pesalah seksual bawah umur, Kulasegaran berkata Kementerian Dalam Negeri bersedia untuk menyokong pelaksanaan Pusat Data Kanak-Kanak Kebangsaan (NCDC) melalui perkongsian data pelbagai kementerian.

Bagaimanapun, beliau berkata pelaksanaannya tertakluk di bawah Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) iaitu PDRM tidak dibenarkan mendedahkan sebarang butiran pengenalan, termasuk gambar atau maklumat kanak-kanak di mana-mana platform media sosial atau medium awam.

"Penggabungan data mengenai kesejahteraan, kesihatan dan pendidikan kanak-kanak ini memerlukan penyelarasan tambahan antara pelbagai agensi dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang serta tatacara keselamatan maklumat," katanya.

Terdahulu, pada sesi itu Syerleena Abdul Rashid (PH-Bukit Bendera) membangkitkan mengenai usaha kerajaan dalam menangani krisis jenayah seksual remaja di negara ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita nekad terjun kereta bimbang dipukul suami

Oleh Zuliaty Zulkiffli - November 13, 2025 @ 8:57pm



Tangkap layar daripada video tular wanita keluar daripada kereta yang sedang bergerak di Jalan Lencongan Timur didakwa untuk melarikan diri daripada dipukul suami

SUNGAI PETANI: Seorang wanita bertindak nekad terjun daripada kereta dipandu suaminya yang sedang bergerak di Jalan Lencongan, di sini, semalam dipercayai bimbang dipukul suami.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hanyan Ramlan, berkata berikutan itu pihaknya menerima satu laporan daripada mangsa yang mendakwa terpaksa bertindak sedemikian demi keselamatan dirinya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati berlaku pergelutan ketika itu menyebabkan wanita berkenaan bertindak demikian.

"Sebelum itu, mangsa mendakwa diseret masuk ke dalam kereta oleh suaminya ketika berada di sebuah stesen minyak di Sungai Lalang kira-kira jam 6 petang.

"Sepanjang perjalanan itu, berlaku pergelutan menyebabkan mangsa cuba melepaskan diri daripada suami yang dipercayai dalam keadaan marah.

"Namun sewaktu tiba di lokasi, mangsa nekad terjun selepas membuka pintu kereta bahagian penumpang kerana dipercayai berasa takut dengan tindakan suami," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Hanyan berkata, berdasarkan siasatan pasangan itu sudah berkahwin sejak Oktober 2024 dan tinggal berasingan sejak sebulan lalu kerana mangsa mendakwa kerap dipukul.

"Berikutan itu, suami mangsa ditahan reman bagi membantu siasatan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, polis menahan seorang lelaki untuk membantu siasatan berhubung pergaduhan dengan seorang wanita di Lencongan Timur di sini semalam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jurugambar didakwa amang seksual kanak-kanak perempuan dalam lif



MOHD. Zulkhairi Zakaria diiringi anggota polis dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka, Ayer Keroh selepas mengaku tidak bersalah atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun. - UTUSAN/AMRAN ALI

Oleh AMRAN ALI 13 November 2025, 3:59 pm

MELAKA: Seorang jurugambar sambilan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Melaka di Ayer Keroh hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun di lif sebuah apartment di Pokok Mangga, bulan lalu.

Tertuduh, Mohd Zulkhairi Zakaria, 38, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Raja Noor Adilla Raja Mahyaldin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun dengan cara meraba punggung mangsa.

Perbuatan itu dilakukan di lif Tower 3, Apartment Prima Pokok Mangga, dalam daerah Melaka Tengah, pada kira-kira pukul 1 petang, 31 Oktober 2025.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhamad Ehsan Nasarudin, yang memohon jaminan RM20,000 serta tarikh baharu bagi serahan dokumen.

Beliau turut mencadangkan syarat ketat, tertuduh tidak dibenarkan mendekati atau mengganggu mangsa, melapor diri setiap dua minggu di balai polis berhampiran dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Peguam bela, Mohd. Farid Abdul Aziz, merayu jaminan dikurangkan bawah RM10,000 dengan alasan anak guamnya hanya bekerja sebagai jurugambar sambilan dan keluarga hanya mampu menyediakan sekitar RM8,000 hingga RM10,000.

Beliau turut memaklumkan abang tertuduh merupakan kakitangan bank dan kedua-duanya menjaga ibu berusia 76 tahun.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin, selain mengekalkan syarat tidak mendekati mangsa, melapor diri dua minggu sekali dan menyerahkan pasport.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 17 Disember ini. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki berusia 54 tahun didakwa rogol kanak-kanak

🕒 13 November 2025, 5:34pm



Oleh: Nurul Hidayah Bahaudin

AMPANG: Pekerja kontrak sambilan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, atas pertuduhan merogol kanak-kanak perempuan pada Ogos lalu.

Tertuduh yang berusia 54 tahun membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norshila Kamarudin.

Lelaki itu dituduh merogol kanak-kanak berusia 12 tahun di tempat letak kenderaan di Bandar Tasik Puteri, Rawang, kira-kira 8 malam, 31 Ogos lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nadiyah Malek Fauzie, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 14 Januari 2026 untuk sebutan semula kes bagi lantikan peguam serta serahan dokumen.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan polis menahan lelaki berusia 54 tahun selepas menerima laporan pada 2 November berhubung kes rogol membabitkan kanak-kanak.

Difahamkan, mangsa mengenali lelaki itu sebagai penduduk di kawasan kejirannya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tangkap layar hantaran tular di media sosial.

Gadis Nilai risau 'hantu' cabul muncul lagi

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL | 13 November 2025, 9:18 am.

NILAI – Tular di media sosial luahan seorang wanita yang mendakwa adiknya menjadi mangsa cabul oleh individu berpakaian gelap ketika pulang dari kerja di sekitar kawasan Surau Mahabbah, Desa Indah di sini dipercayai berlaku, malam tadi.

Menerusi perkongsian pengguna akaun Threads, @meuwneurah, kejadian berlaku ketika mangsa menunggang motosikal seorang diri sebelum dihampiri suspek berpakaian serba gelap yang turut menunggang motosikal lain.

"Tadi adik saya baru balik kerja, nangis-nangis cerita dia kena cabul masa dalam perjalanan pulang. Lelaki tu tiba-tiba datang rapat, pegang dada dia, lepas tu terus lari," tulisnya.

Menurutnya, kejadian berkenaan bukan yang pertama apabila pihak polis memaklumkan sudah terdapat lebih 10 kes serangan serupa dilaporkan di sekitar Nilai termasuk di kawasan Mantin, Semarak dan Nilai Perdana.

"Suspek dipercayai menukar motosikal setiap kali melakukan jenayah, termasuk menggunakan jenis LC, Kriss dan Y15, serta memilih kawasan gelap tanpa kamera litar tertutup (CCTV) sebagai lokasi sasaran.

"Polis cakap pelaku ni dah lama buat kerja dia. Ada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pun pernah kena. Dia sasar perempuan yang jalan atau naik motosikal berseorangan, terutama waktu malam," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi wanita turut berkongsi pengalaman cemas apabila diekori lelaki bermotosikal ketika berhenti di lampu isyarat di Nilai Perdana, seperti dikongsikan pengguna akaun @syzwaniaia di media sosial.

"Kita pun baru-baru ni ada juga. Kena dekat trafik light Nilai Perdana. Nasib tak jatuh motor, terkejut terus laju bawa motor nak sampai rumah, sampai tak sempat tengok nombor plat sebab panik sangat," tulisnya.

Sementara itu, Kosmo! sedang berusaha mendapatkan kenyataan polis mengenai kejadian ini untuk pengesahan. – KOSMO! ONLINE